



KENYATAAN TAWARAN

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor Tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Suruhanjaya Tenaga. **KONTRAKTOR-KONTRAKTOR JUGA DIPELAWA BAGI YANG TELAH BERDAFTAR DENGAN MAJLIS DAERAH TAMPIN SAHAJA.**
2. Borang Sebutharga akan dijual pada harga RM 50.00. Borang ini boleh diperolehi di Jabatan Kejuruteraan Dan Bangunan MDT (Tingkat 2). **HANYA PENAMA DI DALAM SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) / CIDB DIBENARKAN MEMBELI BORANG SEBUTHARGA DAN WAKIL/SURAT WAKIL KUASA TIDAK DIBENARKAN.** Kontraktor dinasihatkan agar mengamalkan tatacara Penjarakan Sosial (Social Distancing) semasa berurusan di kaunter MDT. Sebarang pelanggaran arahan pihak tuan akan di ambil tindakan.
3. Setiap kesilapan pada Borang Sebutharga hendaklah ditandatangani balas, tidak dibenarkan menggunakan pemadam cecair (liquid paper).
4. **Tempoh sah laku sebutharga**
Sebutharga ini sah laku dalam tempoh 90 hari dari tarikh mengemukakan Sebutharga. Walaubagaimanapun Kerajaan berhak untuk melanjutkan tempoh sah laku Sebutharga berkenaan ke tempoh yang lebih sesuai apabila dikeluarkan.
5. Borang Sebutharga yang telah diisi dan dilengkapkan serta berlakri hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga mengikut nombor Sebutharga yang tertera di bahagian hadapan Peti Sebutharga (Peti Tawaran) dan mendaftar memasuki peti tawaran di Bahagian Kejuruteraan Dan Bangunan, Majlis Daerah Tampin. **Nombor Sebutharga dan Tajuk Kerja hendaklah ditulis sebelah kiri bahagian atas muka depan sampul surat. Borang Sebutharga hendaklah dihantar tidak lewat pada jam dan tarikh yang telah ditetapkan seperti di bawah.**
6. **Kontraktor-kontraktor G1 yang berdaftar dengan Majlis Daerah Tampin, Pusat Khidmat Kontraktor dan CIDB di bawah Kategori dan Pengkhususan berikut dan masih dibenarkan untuk membuat kerja-kerja Sebutharga adalah dipelawa untuk menyertai Sebutharga di bawah :-**

NO. SEBUTHARGA	TAJUK PROJEK (PEMBIAYAAN)**	TARAF / JENIS SYKT	GRED KATEGORI & PENGKUSUSAN	TEMPAT TAKLIMAT & DOKUMEN MULAI DIJUAL	TEMPAT / TARIKH & WAKTU SEBUTHARGA DITUTUP
SH(N)/JJ/49/2022	MEMBINA PAPAN TANDA MAKLUMAT BERPUSAT KAWASAN INDUSTRI REPAH, DAERAH TAMPIN SERTA, KERJA-KERJA LAIN BERKAITAN.	G1 Bumiputera	Kategori: CE (Pembinaan Kejuruteraan Awam) Pengkhususan : CE21	Bahagian Kejuruteraan & Bangunan, Majlis Daerah Tampin, Negeri Sembilan D.K. Lawatan Tapak pada 19.08.2022 (Jumaat) di Dewan Bandaran Tampin jam 9.30 pagi Kehadiran Wajib, tanpa wakil (Sila bawa bersama Cop Syarikat dan Cop Nama) Penjualan Borang Sebutharga dibuka bermula 19.08.2022 (3.00 Petang – 4 petang 22.08.2022 - 24.08.2022 dari jam 9.00 pagi – 4.00 petang sahaja	Pejabat Majlis Daerah Tampin, 73000 Tampin, Negeri Sembilan Darul Khusus. (Di Bahagian Kejuruteraan & Bangunan) 25.08.2022 KHAMIS Jam : 12.00 tengahari (Sila bawa bersama Cop Syarikat dan Cop Nama)